



Sukan penyatu rakyat

China Lin Dan.

Hal ini demikian kerana Chong Wei dilihat sebagai harapan utama yang menggalas misi besar untuk merangkul pingat emas Sukan Olimpik pertama kita.

Menyedari hakikat inilah peluang terbaik untuk lagu keramat Negaraku berku- mandang di Olimpik dan mungkin juga peluang terakhir untuk Chong Wei beraksi di pentas Olimpik, kita menaruh harapan yang cukup tinggi agar impian emas menjadi kenyataan.

Harapan berkecai

Namun takdir jelas sekali lagi tidak berpihak kepada kita. Tiada siapa sangka skrip Sukan Olimpik Beijing 2008 akan berulang kembali. Hakikatnya sekali lagi Lin Dan mengecewakan bukan saja Chong Wei tetapi harapan 28 juta rakyat negara ini.

Walaupun kalah dan gagal menunaikan impian emas negara, namun semua pihak mengakui dan memuji corak permainan dan semangat

juang tinggi yang diperlihatkan oleh Chong Wei.

Begitu juga halnya dengan sokongan rakyat kepada seorang lagi atlet sukan terjun, iaitu Pandelega Rinong berjaya mencipta sejarah sebagai wanita pertama menyumbang pingat gangsa menerusi acara 10 meter platform individu wanita.

Ini satu lagi kejayaan luar biasa dan juga sejarah baru untuk dunia sukan tanah air.

Kejayaan ini dapat dilihat apabila rakyat Malaysia tanpa mengira usia, agama dan bangsa menzahirkan sokongan mereka kepada kedua-dua atlet itu.

Melayu, Cina, India dan juga kanak-kanak menyatakan sokongan mereka kepada atlet kita.

Ikon perpaduan

Satu perkara yang sangat menarik untuk diperhalusi ialah betapa rakyat kita bersatu hati memberikan sokongan moral kepada Chong Wei dan Pandelega.

Sokongan rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan latar belakang kepada mereka membuktikan betapa sukan mampu menjadi alat perpaduan yang ampuh dalam masyarakat kita.

Oleh itu, tidak keterlaluan untuk kita melabel Chong Wei sebagai ikon perpaduan nasional.

Sementelahan itu bukan mudah untuk menyatukan 28 juta rakyat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang untuk bersatu demi satu matlamat yang bersama. Itulah yang dilakukan oleh Chong Wei tempoh hari.

Hingga ke hari ini, masih ramai secara terus-menerus menzahirkan rasa bangga dan memuji semangat juang Chong Wei.

Chong Wei dan Pandelega terus diangkat sebagai wira dan wirawati Malaysia.

Dengan ini menunjukkan kita sebenarnya boleh bersatu. Ada masanya kita boleh melupakan segala persengketaan sesama kita. Ternyata semangat cintakan negara

mengatasi segala kehendak peribadi yang lain.

Ini bukan kali pertama berlaku di negara kita. Sebelum ini juga apabila atlet kita bertanding dalam pelbagai sukan bertaraf antarabangsa, rakyat turut bersatu hati memberikan sokongan.

Misalnya, kejayaan skuad bola sepak dalam Sukan SEA yang lalu di Indonesia turut diberikan sokongan yang hebat oleh seluruh rakyat Malaysia.

Dengan demikian membuktikan sukan berperanan besar sebagai alat perpaduan nasional.

Lahirkan atlet berkualiti

Kita berharap persatuan sukan tanah air mengambil berat perhatian yang diberikan oleh rakyat agar sentiasa menampilkan atlet yang bermutu tinggi demi menjunjung maruah negara di persada antarabangsa.

Kita tidak mahu lagi digelar jaguh kampung semata-mata.

Jepun dan Korea misal-

nya masing-masing sudah mampu melangkah ke peringkat separuh akhir bola sepak lelaki Olimpik, dua pasukan yang satu ketika dulu berada pada tahap yang sama dengan Malaysia.

Hakikatnya, sekarang kita semakin jauh ketinggalan daripada mereka.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap persatuan sukan untuk melakukan transformasi secara besar-besaran dan drastik agar kita tidak terus ketinggalan. Ringkasnya sukan dan kepentingan peribadi perlu dipisahkan.

Biarlah golongan yang pakar dan profesional dalam bidang sukan menerajui persatuan sukan masing-masing kerana mereka lebih tahu apa yang perlu dilakukan.

Kita tidak mahu terus ketandusan bakat baru untuk meneruskan tradisi kecemerlangan atlet sekarang.

Kita tertanya-tanya siapa pula bakal menggantikan Chong Wei pada Olimpik 2016 andai beliau bersara? Apakah Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mampu memberikan jawapannya?

Semoga ada lagi atlet lain selepas ini yang akan turut mengikuti jejak langkah mereka berdua disamping menjadikan sukan wahana terbaik untuk memupuk perpaduan nasional.